

Karisma

# Pelan Perlindungan Dan Simpanan Untuk Masa Depan.



## Mulakan Perlindungan dan Simpanan Anda untuk Persediaan Hari Esok

Saat-saat bahagia yang dilalui bersama sememangnya indah. Oleh itu, untuk mengekalkannya adalah penting untuk anda menyediakan perlindungan bagi diri dan juga keluarga tersayang daripada situasi tidak diduga. Persediaan tersebut hanya boleh dikecapi sekiranya anda mempunyai simpanan yang teratur. Dengan pelan persediaan dan perlindungan yang teratur, anda bukan sahaja memberi jaminan masa depan untuk keluarga tersayang, malah turut melindungi mereka sekalipun anda telah tiada.

*“Rata-rata rakyat Malaysia tidak mempunyai simpanan secukupnya. Malah, mereka tidak bersedia akan kepincangan kewangan sekiranya kehilangan pekerjaan atau diberhentikan. Menurut tinjauan terkini oleh Citi’s Financial Quotient (Fin-Q)*

*2008, 12% daripada rakyat Malaysia memberitahu bahawa mereka tidak langsung menabung.*

*Sekiranya seseorang kehilangan pekerjaan tetapi dengan perbelanjaan tetap berterusan, seorang daripada lima responden menyatakan bahawa simpanan mereka hanya mampu bertahan selama empat minggu. Secara purata, rakyat Malaysia dilaporkan mempunyai peruntukan simpanan untuk 11 minggu.”\**

*\*Sumber: The Star, 19 Februari 2009*



## Perlindungan Menyeluruh dengan Manfaat Jangka Panjang

Karisma ialah pelan Takaful yang menyediakan perlindungan dan simpanan. Ia juga memberikan anda Pembayaran Tunai sehingga 10% daripada Jumlah Asas yang Dilindungi yang akan dibayar setiap dua (2) tahun sepanjang tempoh pelan. Dengan perlindungan fleksibel untuk Peserta dan Orang yang Dilindungi, anda boleh memilih tempoh perlindungan untuk 20 atau 30 tahun.

## Manfaat Utama

### Manfaat Hidup

Nikmati Pembayaran Tunai tetap sehingga 10% daripada Jumlah Asas yang Dilindungi pada akhir setiap dua (2) tahun Sijil sepanjang tempoh Sijil tersebut.

Tahun Sijil	% Jumlah Asas yang Dilindungi
2 - 10	5%
12 - 20	7.5%
22 dan seterusnya	10%

### Manfaat Kematian

Sekiranya berlaku kematian terhadap Orang yang Dilindungi disebabkan faktor semula jadi atau akibat kemalangan, Jumlah yang Dilindungi, Perbelanjaan Pengebumian sebanyak RM1,000 beserta nilai terkumpul dalam Dana Pelaburan Peserta (DPP), termasuk sebarang keuntungan daripada pelaburan dana tersebut (jika ada) akan dibayar sekaligus.

### Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)

Sekiranya HUMK berlaku terhadap Orang yang Dilindungi sebelum usia 65 tahun, Jumlah yang Dilindungi termasuk nilai terkumpul dalam DPP, termasuk sebarang keuntungan daripada pelaburan dana tersebut (jika ada) akan dibayar.

Jika Jumlah Agregat yang Dilindungi mencapai sehingga RM1 juta, ia akan dibayar sekaligus. Jika Jumlah yang Dilindungi melebihi RM1 juta, maka baki Jumlah yang Dilindungi akan dibayar satu (1) tahun selepas pembayaran pertama dilakukan, tertakluk pada terma dan syarat yang dinyatakan dalam kontrak Sijil.

## Manfaat Matang

Sekiranya Orang yang Dilindungi masih hidup sehingga akhir tempoh Takaful, nilai terkumpul dalam DPP termasuk keuntungan daripada pelaburan dana tersebut dan Dana Pelaburan Peserta (jika ada), yang telah diperuntukkan kepada Peserta akan dibayar.

## Perlindungan Fleksibel

Lebih fleksibel untuk menambah perlindungan dengan pilihan rider untuk Orang yang Dilindungi dan Peserta.

## Rider untuk Orang yang Dilindungi

<b>Kematian dan Hilang Upaya Akibat Kemalangan</b>	Manfaat Kematian atau Hilang Upaya Akibat Kemalangan.
<b>Indemniti Kemalangan</b>	Indemniti kemalangan untuk kematian atau HUMK, Hilang Upaya Separa Kekal (HUSK), Hilang Upaya Menyeluruh Sementara (HUMS) (mingguan), belanja pembedahan dan perubatan. Indemniti berganda tertakluk pada klausa.
<b>Penyakit Kritikal</b>	Manfaat tambahan selepas didiagnosis menghadapi mana-mana 36 jenis Penyakit Kritikal.
<b>Pengecualian Sumbangan untuk Penyakit Kritikal</b>	Sumbangan akan datang dikecualikan selepas didiagnosis menghadapi mana-mana 35 jenis Penyakit Kritikal.
<b>Manfaat Tunai di Hospital</b>	Manfaat Tunai Harian jika anda dimasukkan ke hospital.
<b>Ultra Medic Rider</b>	Pelan Hospital dan Perubatan.
<b>Rider Bertempoh</b>	Perlindungan tambahan akibat Kematian dan HUMK.
<b>Kekerapan Tambah Nilai</b>	Kemudahan untuk menambah nilai pelaburan.

## Rider untuk Peserta

<b>Pengecualian Sumbangan untuk Rider Penyakit Kritikal (Pembayar)</b>	Sumbangan akan datang dikecualikan selepas didiagnosis menghadapi mana-mana 35 jenis Penyakit Kritikal.
<b>Pengecualian Sumbangan untuk Kematian dan HUMK</b>	Sumbangan akan dikecualikan untuk Kematian dan HUMK.
<b>Rider Bertempoh (Pembayar)</b>	Perlindungan tambahan akibat Kematian dan HUMK.
<b>Manfaat Pendapatan Keluarga</b>	Manfaat bertempoh akan dibayar secara tahunan di atas tempoh baki rider.

## Ciri-ciri Utama

<b>Umur Layak Penyertaan*</b>	Minimum: 14 hari Maksimum: 55 tahun
<b>Had Umur Peserta/Pemilik Sijil*</b>	Minimum: 19 tahun Maksimum: Tiada umur maksimum
<b>Had Umur Matang*</b>	Minimum: 85 tahun
<b>Tempoh Yang Ditawarkan</b>	20 atau 30 tahun
<b>Jumlah yang Dilindungi</b>	Minimum: RM12,500 Maksimum: Tertakluk kepada Penaja Jamin
<b>Sumbangan Minimum</b>	Tertakluk pada Jumlah Minimum Dilindungi
<b>Kaedah Pembayaran</b>	Bulanan, Suku Tahunan, Setengah Tahunan atau Tahunan

*\*Umur pada hari lahir berikutnya*



## Asas Kontrak

Pelan ini adalah berasaskan konsep Tabarru', di mana Peserta bersetuju untuk menyumbang (menderma) jumlah tertentu ke dalam Dana Risiko Pelaburan (DRP) / Dana Tabarru' bagi tujuan membantu antara satu sama lain di saat memerlukan.

Pelan ini juga mengaplikasikan konsep Wakalah, di mana Peserta melantik Etiqa Takaful Berhad bagi mewakili pihak Peserta untuk membuat pelaburan dan menguruskan DRP (Tabarru') dan DPP. Bakinya akan diserapkan ke DRP dan DPP.

Tahun Sijil	Fi Wakalah sebagai % daripada Sumbangan	Fi Wakalah Tetap Tahunan
1	90%	RM60
2	50%	RM60
3	31%	RM60
4	25%	RM60
5	15%	RM60
6	15%	RM60
7 dan seterusnya	5%	RM60

Lebihan dalam DRP akan dibahagikan di antara Anda (50%) dan Etiqa (50%) sebagai Fi Prestasi.

Keuntungan pelaburan dari DPP akan dibahagikan di antara Anda (90%) dan Etiqa (10%) sebagai Fi Insentif.



## Nota Penting

Jika Orang yang Dilindungi membunuh diri semasa waras dalam tempoh setahun dan Tarikh Sijil Dikeluarkan atau sebarang Tarikh Pengembalian Semula Sijil, tanggungan kami adalah terhad kepada pembayaran balik sumbangan yang telah dibuat atau 60% bayaran daripada Jumlah yang Dilindungi jika perbuatan membunuh diri dilakukan semasa waras, setahun selepas Tarikh Sijil Dikeluarkan atau sebarang Tarikh Pengembalian Semula Sijil.

Peserta akan diberi tempoh ihsan selama tiga puluh satu (31) hari dari tarikh akhir sumbangan perlu dibuat dan jika sumbangan belum dibayar pada akhir tempoh ihsan, Sijil akan dilanjutkan di bawah kemudahan sumbangan automatik (ACF - Automatic Contribution Facility). Sijil akan berakhir jika jumlah dalam Akaun Peserta tidak mencukupi untuk membayar sumbangan tahunan.

Sijil ini mungkin melayakkan anda untuk mendapat pengecualian cukai peribadi yang bergantung kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Anda perlu memahami pelan ini dengan sepenuhnya untuk memastikan keperluan anda dapat dipenuhi dengan sebaiknya dan sumbangan yang dibayar di bawah Sijil ini adalah berdasarkan kemampuan anda.

Apabila Sijil ditamatkan, matang atau tamat tempoh, semua manfaat di bawah pelan ini akan luput. Jika anda menamatkan Sijil pada tahun-tahun awal, anda mungkin akan mendapat kembali amaun yang kurang daripada jumlah yang telah anda sumbangkan.

Anda mempunyai hak untuk mengembalikan Sijil ini bersama dengan arahan bertulis dalam tempoh lima belas (15) hari selepas Sijil diterima oleh anda, atas apa jua sebab. Jika dikembalikan, Sijil ini akan dianggap terbatal dari permulaan dan apa-apa Sumbangan yang telah dibayar akan dibayar balik kepada anda, tolak sebarang kos pemeriksaan perubatan yang ditanggung.

Sila ambil perhatian bahawa untuk tujuan menentukan lima belas (15) hari, Sijil ini akan dianggap sebagai telah dikembalikan kepada kami pada tarikh kami menerima Sijil ini jika dihantar sendiri atau pada tarikh penghantaran pos jika Sijil ini dihantar kepada kami melalui pos berdaftar atau pada tarikh transmisi jika Sijil ini dihantar secara elektronik.

Manfaat dan / atau pulangan dari pelaburan di bawah pelan ini akan berdasarkan pada prestasi dana yang sebenar dan tidak dijamin. Risiko dana akan ditanggung sepenuhnya oleh peserta dan segala manfaat yang diterima mungkin kurang daripada jumlah keseluruhan sumbangan yang dibuat dalam Dana Pelaburan Peserta.

Semua sumbangan (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Ia adalah penting untuk menyimpan setiap resit yang telah anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

Sila pastikan anda merujuk kepada Ilustrasi Jualan yang berkaitan dengan Sijil yang disediakan kepada anda oleh Etiqa Takaful Berhad.

Risalah ini bertujuan untuk rujukan sahaja dan tidak boleh diambil kira sebagai kontrak atau jemputan untuk mengambil bahagian. Etiqa Takaful Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

**Etiqa Oneline 1300 13 8888**  
**[www.etiqa.com.my](http://www.etiqa.com.my)**



 [www.facebook.com/etiqa](http://www.facebook.com/etiqa)

**Etiqa Takaful Berhad** (266243D)

(Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan  
Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia)  
Level 19, Tower C, Dataran Maybank  
No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur, Malaysia  
**T** +603 2297 3888 **F** +603 2297 3800

Diunderait oleh:

**eTiqa**  
Takaful